



Volume 14(2), September 2026

p-ISSN 2302-5808 and e-ISSN 2684-7388

Contents

KATA ALUAN. [ii]

KAMAL-DEEN OLAWALE SULAIMAN,

Historical Origins of Celebration of Valentine's Day (Yawm al-Hubb/ 'Eid ul-Hubb) and the Verdict of Islam. [1-18]

NUR SYAZWANI MD SUIF, ASBOL MAIL & BRAHIM TENGAH,

Pemerintah Wanita Kesultanan Alam Melayu (Abad ke-16 hingga ke-17 Masihi): Isu Mempertahankan Takhta. [19-44]

HURIL-AIN MARINDA HUSSAINI, ANDI SUWIRTA & ABDUL RAZAQ AHMAD,

Perkembangan Nasionalisme dan Perjuangan Kemerdekaan: Perbandingan Naratif dalam Buku Teks Sejarah SMA Kelas 11 di Indonesia dan Sejarah Tingkatan 4 di Malaysia. [45-72]

ISMAIL ALI,

Memandang Semula Laut dan Lautan ke Arah Menjadikan Malaysia sebuah Negara Maritim: Satu Penilaian Semula Sejarah Kelautan dan Doktrin BRI (Belt and Road Initiative). [73-120]

YISA OOLORUNDA BALOGUN,

An Historical Analysis of Imamship Tussles in Ekiti State Nigeria and Possible Solutions. [121-136]

INFO-SUSURGALUR-EDUTAINMENT. [137-148]

SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah (Journal of History Education & Historical Studies) will provide a peer-reviewed forum for the publication of thought-leadership articles, briefings, discussion, applied research, case and comparative studies, expert comment and analysis on the key issues surrounding the history education and historical studies in general and its various aspects. Analysis will be practical and rigorous in nature. The SUSURGALUR journal, with print ISSN 2302-5808 and online ISSN 2684-7388, was firstly published on March 24, 2013, in the context to commemorate the BLA (Bandung Lautan Api or Bandung a Sea of Flames)'s Day in Indonesia. Since issue of September 2013 to issue of March 2021, the SUSURGALUR journal has jointly been organized by the Lecturers of APB UBD (Academy of Brunei Studies, University of Brunei Darussalam) and the Lecturers of International and Historical Study Program FASS (Faculty of Arts and Social Sciences) UBD in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam; and currently since issue of September 2026 to date organized by PERSEBAR (Brunei Historical Society) and published by MINDAMAS (Minda Masagi Suci) Foundation, owned by ASPENSI (International Association for Historians and History Educators) in Bandung, West Java, Indonesia. This journal is published twice a year i.e. every March and September. Available online also at: <https://journals.mindamas.com/index.php/susurgalur>

KATA ALUAN



Assalaamu'alaikum Wr. Wbr. Syukur ke hadirat Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala) bahawa kitani masih lagi dibagi kesihatan, kekuatan Iman & Islam, serta insya Allah maju jaya hingga bila-bila masa. Amin YRA.

Saya merakamkan sekalung tahniah dan syabas, serta gembira sangat, bahawa PERSEBAR (Persatuan Sejarah Brunei) boleh berkongsi secara akademik dengan ASPENSI (Asosiasi Sejarawan dan Pendidik Sejarah Internasional) di Bandung, Jawa Barat, Indonesia, sehingga – melalui MINDAMAS (Minda Masagi Suci) Foundation – berjaya mentadbir-urus dan menerbitkan dalam talian jurnal SUSURGALUR, Issue September 2026.

Kongsi dan kerjasama dalam bidang akademik ini – dengan mengangjur bersama penerbitan jurnal – sangat diperlukan. Kitani boleh lah meminjam cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu”, memandangkan bila sebuah jurnal akademik dianjurkan bersama, tentu sahaja, artikel-artikel yang wujud didalamnya tak setakat daripada Brunei Darussalam dan Indonesia sahaja, tetapi juga boleh datang dari luar negara lain.

Sepertimana ditunjukkan oleh artikel-artikel dalam jurnal SUSURGALUR, Issue September 2026 ini, ianya datang daripada para Penulis Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, dan Nigeria. Ini satu pencapaian yang baik untuk menunjukkan bahawa jurnal SUSURGALUR tak setakat berperingkat kebangsaan (Brunei Darussalam dan Indonesia), tetapi juga boleh diiktiraf sebagai jurnal akademik berperingkat rantau Asia Tenggara, hatta Antarabangsa.

Artikel pertama, ditulis oleh Kamal-deen Olawale Sulaiman daripada Nigeria, bertajuk “Historical Origins of Celebration of Valentine’s Day (Yawm al-Hubb/‘Eid ul-Hubb) and the Verdict of Islam” [Asal-Usul Sejarah Perayaan Hari Valentine (Yawm al-Hubb/‘Eid ul-Hubb) dan Pandangan Hukum Islam]. Ianya mendedahkan bahawa ramai pihak menuduh Islam menentang cinta, karena umat Muslim tidak merayakan Hari Valentine. Walhal, dalam Islam, perayaan-perayaan telah ditetapkan secara jelas dan baku, sehingga tidak diperbolehkan adanya penambahan maupun pengurangan.

Artikel kedua, ditulis oleh Nur Syazwani Md Suif, Asbol Mail & Brahim Tengah daripada Brunei Darussalam, bertajuk “Pemerintah Wanita Kesultanan Alam Melayu (Abad ke-16 hingga ke-17 Masihi): Isu Mempertahankan Takhta”. Ianya menjelaskan bahawa wanita-wanita dalam Kesultanan Alam Melayu tradisional pada abad ke-16 hingga abad ke-17 Masihi memang terlibat dalam kegiatan politik negara. Hal ini boleh dilihat apabila mereka tergolong sebagai pemerintah.

Artikel ketiga, ditulis oleh Huril-Ain Marinda Hussaini, Andi Suwirta & Abdul Razaq Ahmad daripada Malaysia dan Indonesia, bertajuk “Perkembangan Nasionalisme dan Perjuangan Kemerdekaan: Perbandingan Naratif dalam Buku Teks Sejarah SMA Kelas 11 di Indonesia dan Sejarah Tingkatan 4 di Malaysia”. Ianya menarbitkan bahawa idea nasionalisme yang radikal diguna-pakai untuk memperolehi kemerdekaan di Indonesia secara revolusi. Manakala di Tanah Melayu, kemerdekaan diperolehi melalui rundingan dan bertolak-asur secara hemah dan damai.

Artikel keempat, ditulis oleh Ismail Ali daripada Malaysia, bertajuk “Memandang Semula Laut dan Lautan ke Arah Menjadikan Malaysia sebuah Negara Maritim: Satu Penilaian Semula Sejarah Kelautan dan Doktrin BRI (Belt and Road Initiative)”. Ianya mengupas bahawa doktrin BRI patut diberi perhatian serius oleh kerajaan Malaysia untuk menuju kepada sebuah negara maritim.

Dan akhir sekali, artikel kelima, ditulis oleh Yisa Olorunda Balogun daripada Nigeria, bertajuk “An Historical Analysis of Imamship Tussles in Ekiti State Nigeria and Possible Solutions” [Analisis Historis mengenai Konflik Perebutan Jabatan Imam di Negara Bagian Ekiti, Nigeria, dan Kemungkinan Solusinya]. Ianya menjelaskan bahawa saat ini, umat Muslim di Negara Bagian Ekiti, Nigeria, mengalami perpecahan dan kekacauan akibat berbagai kasus konflik terkait jabatan Imam; serta beberapa resolusi yang dicadangkan.

Hanya kepada Allah SWT, kita berdoa; dan hanya kepada Allah SWT pula kita pohonkan pertolongan. Selamat membaca artikel-artikel dalam jurnal SUSURGALUR; dan harap wujud manfaatnya secara akademik.

Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15hb September 2026.

Dr. Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunus

Penaung Kehormat Jurnal SUSURGALUR di Bandung; dan Presiden PERSEBAR (Persatuan Sejarah Brunei) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
E-mail: yunosmo@yahoo.com dan susurgalur.jurnal2013@gmail.com